

Pengangkutan awam pemangkin kemandirian dan kualiti hidup warga tua di Kuala Lumpur

Rosniza Aznie Che Rose, Farah Elisha Mohd Adnand, Abdul Aziz Marzuki, Lam Kuok Choy,
Kadaruddin Aiyub, Mohd Yusoff Hussain, Novel Lyndon

Pusat Kajian Pembangunan, Sosial & Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti
Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Rosniza Aznie Che Rose (email: aznie@ukm.edu.my)

Received: 15 January 2024; Accepted: 10 August 2024; Published: 29 August 2024

Abstrak

Artikel ini bertujuan menjelaskan bahawa kemudahan pengangkutan awam sebagai pemangkin kemandirian dan kualiti hidup warga tua di Kuala Lumpur. Peningkatan warga tua memberikan impak terhadap kesejahteraan hidup mereka. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif menggunakan instrumen borang soal selidik di Kuala Lumpur. Sampel kajian melibatkan 150 orang warga tua yang berumur 60 tahun ke atas. Data deskriptif dan inferensi adalah berdasarkan pengujian regresi berganda. Kajian ini memberi tumpuan kepada faktor pengangkutan awam yang mempengaruhi kualiti hidup warga tua, mengkaji hubungan faktor yang mendorong kualiti hidup warga tua, dan mencadangkan langkah memperkasa kesejahteraan sosial warga tua. Hasil analisis mendapati hubungan kekeluargaan dipengaruhi oleh faktor pengantara lain bagi menjamin kualiti hidup mereka. Faktor tersebut antaranya, ialah pengangkutan awam. Hasil kajian ini telah membuktikan faktor pengangkutan awam memainkan peranan utama dalam menjamin kualiti hidup warga tua. Penemuan ini menjelaskan pentunjuk penting terhadap pembentukan penduduk warga tua yang lebih sejahtera dan boleh menjadi intipati kepada perancangan atau kertas polisi masa akan datang. Pemerkasaan warga tua secara menyeluruh bukan sahaja meningkatkan kualiti hidup mereka, serta mengurangkan kebergantungan kepada pihak kerajaan dalam menjalani kehidupan seharian.

Kata kunci: Bandar, hubungan keluarga, kesejahteraan, kualiti hidup, penuaan, warga tua

Public transport is a catalyst for survival and quality of life for the elderly in Kuala Lumpur

Abstract

The purpose of this paper is to demonstrate how public transport amenities in Kuala Lumpur can help the elderly survive and improve their quality of life. The growth in the elderly has an impact on their health. This study employs a quantitative approach in Kuala Lumpur, including a questionnaire instrument. The study sample included 150 older persons aged more than 60. Multiple regression tests are used to generate descriptive data and draw conclusions. This study focusses on public transport elements that affect the quality of life of the elderly, investigates the

relationship between the factors that drive the elderly's quality of life, and proposes solutions to improve the elderly's social well-being. The findings of the investigation revealed that additional factors influence family connections. This finding provides significant markers for the development of a wealthier elderly group and may serve as inspiration for future planning or policy studies. Comprehensive empowerment of the elderly not only enhances their quality of life, but it also reduces their reliance on the government in everyday situations.

Keywords: Urban, family relationships, well-being, quality of life, aging, elderly

Pengenalan

Penuaan penduduk adalah realiti yang tidak dapat dinafikan. Penuaan penduduk tetap akan berlaku tanpa mengambil kira sejauh mana negara bersedia untuk menghadapinya (Mohd Tohit & Haque, 2024). Bahkan, jumlah penduduk warga tua di dunia dijangka akan mencecah 2.1 bilion menjelang tahun 2050. Menurut Guo et al. (2020), populasi global akan mencapai 23 peratus pada tahun 2050 (Mahal & McPake, 2017). Peningkatan ini menggambarkan bahawa populasi warga tua akan terus meningkat dan menjadi bahagian yang terpenting yang perlu diambil kira. Penuaan penduduk ini merupakan fenomena yang akan berlaku di seluruh negara tidak terkecuali kepada negara Malaysia. Malaysia dijangka akan mencapai status negara menua menjelang tahun 2030 (Ahmad & Norliza, 2018).

Di Malaysia, trend demografi yang dialami oleh penduduk di negara ini sebenarnya merupakan transisi demografi moden iaitu sama yang telah berlaku di kebanyakan negara maju pada masa dahulu (Rosniza Aznie et al., 2020). Jumlah penduduk warga tua dijangka akan mencecah 3.5 juta pada tahun 2020 dan 6.3 juta pada tahun 2040 (Muhammad Firdaus et al., 2020). Jika dilihat perkembangan dan peningkatan warga tua di Malaysia akan memberikan kesan yang positif dan negatif kepada sesebuah negara terutamanya kepada negara Malaysia. Menurut Nik Norliati (2018) peningkatan jumlah warga tua di Malaysia sebenarnya turut disumbangkan oleh faktor positif sosioekonomi. Sebagai contoh pekerjaan, taraf penjagaan kesihatan, peningkatan taraf pendidikan, penurunan kadar kematian dan peningkatan jangka hayat individu. Malahan perkembangan dan peningkatan warga tua ini juga membawa pelbagai perubahan sama ada fizikal, mental dan keupayaan untuk bertindak dan bergerak.

Populasi kajian adalah warga tua yang berumur 60 tahun ke atas. Berdasarkan takrifan warga tua yang dibuat oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (2017) di Malaysia dan takrifan yang diguna pakai dalam *United Nations World Assembly on Ageing di Vienna* (1982) iaitu mentakrifkan warga tua sebagai individu yang berumur 60 tahun hingga 79 tahun, dan warga tua menengah 80 tahun ke atas. Takrifan ini juga telah diguna pakai dalam kalangan negara ASEAN (Jabatan perangkaan Malaysia, 2022). Takrifan warga tua bagi sasaran kajian adalah warga tua yang berumur 60 tahun dan ke atas berdasarkan takrifan yang diterima pakai oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Secara umumnya, meneliti kajian warga tua bandar, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tidak terkecuali mempunyai bilangan jumlah warga tua yang ramai. Seiring dengan peningkatan dan perkembangan ekonomi di Malaysia, jumlah warga tua di sekitar kota metropolitan Kuala Lumpur meningkat lebih tinggi berbanding dengan di bandar lain. Hal ini demikian dipengaruhi antaranya oleh faktor kesihatan, keselamatan, ekonomi, hubungan keluarga yang terdapat di Kuala Lumpur adalah kemajuan disebabkan oleh kemudahtersampaian terpantas yang boleh diperolehi

oleh rakyat Malaysia. Sebagai contoh kemudahan pengangkutan dan kemudahan pusat rawatan. Bandar Kuala Lumpur merupakan salah satu tumpuan orang ramai sama ada masyarakat tempatan mahupun masyarakat di luar negara. Malah peningkatan aspek keselamatan yang baik berbanding dengan bandar lain dan juga perkembangan ekonomi di Bandar Kuala Lumpur adalah pesat dan maju seiring secara menyeluruh berbanding perkembangan bandar di Pulau Pinang dan Johor. Hal ini sekaligus menjadikan bandar Kuala Lumpur sebagai ibu negara dan bandaraya terbesar di Malaysia. Namun sejauh manakah Malaysia telah bersedia untuk menghadapi sebuah negara menua dalam konteks kualiti hidup warga tua di kawasan bandar Kuala Lumpur menjelang tahun 2035.

Kajian literatur

Penuaan penduduk menunjukkan berlakunya perubahan iaitu peningkatan sebahagian individu sebagai tua (United Nations, 1973) dan lemah (*vulnerable*) yang sangat memerlukan perhatian yang khusus daripada masyarakat (United Nations, 1973; Lukman, 2000). Warga tua yang digelar sebagai golongan yang lemah disebabkan mereka tiada kemampuan dan berlakunya penurunan tahap kesihatan, keadaan fizikal, tiada penjagaan dan keadaan rumah yang tidak selesa (Santo & Sarwono, 2003).

Di Malaysia peningkatan warga tua semakin meningkat saban hari. Pertubuhan Penduduk Dunia (*WHO*) dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa bersatu (PBB) menjelaskan bahawa ketika populasi pada usia 60 tahun ke atas di negara tertentu telah mencapai sekurang-kurangnya 10 peratus dari jumlah populasi, atau populasi pada usia 65 tahun ke atas berjumlah 7 peratus dalam keseluruhan populasi, dapat ditakrifkan bahawa keseluruhan populasi bertambah tua dan negara atau wilayah tersebut telah menjadi tua (Abdul Rani, 2007; Bernama, 2010; Sanmargaraja, 2012). Oleh tersebut, diandaikan bahawa Malaysia akan mencapai status negara tua pada tahun 2030. Ketika ini (2010 hingga 2020), masyarakat yang berusia 60 tahun ke atas akan merangkumi 15 peratus dari jumlah populasi (Aurora, 2011; Firdaus, 2011; Ajang, 2012; Nurazlina Jamaludin et al., 2020).

Kemajuan pembangunan kemudahan dan kemajuan perubahan terutamanya negara-negara membangun telah berjaya memanjangkan jangka hayat masyarakat. Ia turut mempengaruhi peningkatan bilangan warga tua di Malaysia sejak kebelakangan ini dan sekaligus jelas menunjukkan bahawa penuaan demografi sedang berlaku di Malaysia. Oleh itu trend menunjukkan, Malaysia perlu bersiap sedia lebih awal, terutamanya dalam menyediakan kemudahan, infrastruktur dan penjagaan kesihatan yang mencukupi untuk warga tua (Wendy et al., 2013).

Teori aktiviti

Teori Aktiviti ini dikembangkan oleh Havighurst pada tahun 1961. Beliau merupakan pakar ahli Gerontologi. Teori aktiviti telah mengilhami refleksi teori dalam pelbagai bidang. Antaranya bidang psikologi, pendidikan, pengurusan, budaya dan sistem maklumat. Bidang ini pada umumnya menggabungkan pendekatan yang melibatkan aktiviti manusia. Menurut Hashim dan Jones (2007), berdasarkan teori ini membolehkan kebanyakan penyelidik telah menyedari bagaimana orang melakukan sesuatu dengan bantuan alat canggih dalam persekitaran yang rumit dan dinamik. Teori aktiviti memfokuskan kepada analisis pertikaian mengenai interaksi antara

manusia dengan alat perantara mereka (tujuan) yang dibentuk oleh aktiviti manusia (elemen teknikal).

Teori aktiviti ini boleh dikatakan sebagai seseorang individu terutamanya warga tua boleh bergiat aktif dalam kehidupan sosial untuk mencapai kebahagiaan dalam kehidupan di hari tua. Aktiviti di dalam teori ini dipandang sebagai sesuatu yang penting bagi menjamin kepuasan peribadi dan menjadikan seseorang lebih positif. Teori ini berdasarkan tiga andaian bahawa: (1) aktif lebih baik dari pasif. (2) gembira lebih baik daripada tidak gembira. (3) orang tua merupakan orang yang baik untuk mencapai kejayaan. Oleh itu, teori aktiviti ini bersesuaian dengan kajian untuk menilai dan melihat sejauh mana peranan hubungan kekeluargaan terhadap kualiti hidup warga tua di bandar boleh mencapai kebahagiaan dalam kehidupan dengan perubahan aplikasi perisian yang canggih pada zaman ini.

Kepentingan fasiliti awam mesra warga tua

Ketersediaan kemudahan fasiliti awam mesra warga tua pula merangkumi pemboleh ubah bebas antaranya ialah kecenderungan peningkatan saiz dan kadar pertumbuhan perbelanjaan awam dapat diterangkan oleh Teori Wagner dengan Hukum Wagner. Teori Wagner merupakan Teori tentang peningkatan pertumbuhan perbelanjaan awam ini telah diasaskan oleh Adolph Wagner (1963). Hukum Wagner ini mengatakan bahawa terdapat kecenderungan semula jadi pelbagai peringkat kegiatan kerajaan untuk meningkat secara intensif dan ekstensif apabila berlaku pertumbuhan ekonomi. Hukum ini mengatakan bahawa pertumbuhan perbelanjaan awam lebih cepat daripada pertumbuhan ekonomi. Ini berlaku kerana tuntutan yang semakin meningkat terhadap peraturan dan perlindungan. Keadaan ini berlaku kerana wujudnya hubungan undang-undang dan komunikasi yang semakin kompleks; peningkatan permintaan terhadap kemudahan sosial, di samping kegiatan pertahanan dan keselamatan. Hukum Wagner diwujudkan dengan berasaskan fakta-fakta sejarah yang melibatkan perubahan perbelanjaan awam dan pertumbuhan ekonomi dalam jangka panjang. Berdasarkan kajian empirik di negara maju, Wagner mendapati bahawa kadar pertumbuhan kegiatan kerajaan lebih besar daripada kadar pertumbuhan ekonomi.

Sepanjang dekad yang lalu, para penyelidik telah memfokuskan semula perhatian mereka terhadap hubungan antara komuniti warga tua dan perkhidmatan pengangkutan yang kurang baik untuk lebih memahami pengasingan sosial. Akses terhadap kepada pengangkutan dan fasiliti sering dikenal pasti sebagai faktor penyumbang utama kepada pengasingan sosial dan kemiskinan ekonomi kumpulan tertentu dalam pengalaman masyarakat (Kouidmi & Altawansy, 2024). Sehingga kini, jumlah perhatian penyelidikan yang tidak mencukupi telah difokuskan kepada warga tua, yang sering dikenal pasti sebagai tertakluk kepada pengecualian sosial kerana kesulitan yang berkaitan dengan perjalanan di luar rumah mereka untuk mengakses perkhidmatan dan kemudahan terutama untuk pemandu bukan kereta. Analisis kemudahan awam mesra warga tua ini mendedahkan bahawa pengecualian sosial orang tua yang tidak memandu kereta menjadi sukar disebabkan oleh sistem pengangkutan awam yang tidak mencukupi dengan sepenuhnya di kawasan bandar (Engels & Liu, 2011).

Ciri perjalanan dan krisis mobiliti warga tua di Ibadan Metropolis Nigeria menunjukkan seramai 264 orang warga tua telah melakukan perjalanan yang berkaitan dengan pekerjaan dan kesihatan menggunakan bas. Hasil kajian menunjukkan perbezaan ketara dari segi masa perjalanan dan kos pengangkutan di tiga zon kepadatan. Reka bentuk kenderaan, akses yang lama dan masa

menunggu serta kemudahan yang lemah di terminal dikenal pasti sebagai kekangan kepada mobiliti yang berkesan bagi warga tua (Olusiya Ipingbemi, 2010).

Seterusnya, kajian yang dilakukan di Korea oleh Kim dan Jin (2019) mendapati bahawa kepentingan fasiliti awam dapat menyumbang peningkatan fizikal dan mental warga tua. Hal ini demikian kerana, faktor geografi dikaitkan dengan kesejahteraan warga tua, di mana ruang awam yang diletakkan memberikan faedah besar bagi penduduk bandar. Sebagai contoh, ruang terbuka, taman, tempat membeli belah, perkhidmatan membeli belah, perkhidmatan pengangkutan awam dapat menyumbang kepada peningkatan kesihatan fizikal dan mental terutamanya kepada warga tua. Malah dengan menyediakan ruang, aktiviti rekreasi juga secara langsung dapat meningkatkan tahap kebahagiaan dan keselesaan kepada warga tua (Leung, Yu & Chong, 2017).

Seterusnya, kepentingan fasiliti awam mesra warga tua juga menjadi salah satu pilihan penyelidik di institusi untuk memenuhi keperluan kepada warga tua di Malaysia. Hal ini demikian kerana institusi pendidikan tertinggi seperti Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Terbuka Malaysia (OUM) juga telah menyediakan infrastruktur mesra warga tua dan institusi ini telah memberikan diskaun yuran pembelajaran sebanyak 50 peratus sehingga 75 peratus kepada pelajar iaitu golongan warga tua untuk menyambung pengajian di institusi tersebut (Hafizan Taib, 2018). Ia selaras dengan strategi Dasar Warga Tua Negara Malaysia yang menekankan kepada strategi Pembelajaran Sepanjang Hayat. Strategi ini memberi peluang kepada setiap generasi terutamanya warga tua untuk melengkapkan dan meningkatkan potensi diri dengan ilmu pengetahuan serta kemahiran untuk hidup secara aktif dan produktif (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2020). Oleh itu menunjukkan bahawa pentingnya hubungan faktor pengantara bagi mendapatkan peningkatan strategi tersebut melalui kemudahan awam kepada warga tua untuk terus mandiri dan aktif. Kemudahan awam memainkan peranan penting kepada seluruh masyarakat. Kewujudan kemudahan awam merupakan kayu ukur perkembangan atau alihan sesuatu era menjadikan lebih baik untuk kepentingan masyarakat.

Perkembangan Kuala Lumpur berubah dengan pesat dalam era selepas merdeka dan selepas diisytiharkan sebagai sebuah wilayah persekutuan berpandukan kepada pelan perancangan yang memfokuskan kepada perluasan kawasan pambandan dan penyediaan infrastruktur berlandaskan rel (Rancangan Malaysia Kuala Lumpur, 2040, 2020). Perancangan berubah seiring dengan perubahan masa dan keperluan sesebuah bandar di mana setiap daripada pembangunan, fokus juga turut diberikan kepada penyediaan kawasan hijau serta keperluan sosial bagi mencapai kemampunan bandar.

Metodologi kajian

Pengkaji menggunakan bentuk kajian korelasi bagi mengenalpasti perkaitan atau perhubungan dua variabel atau lebih variabel yang telah digunakan. Reka bentuk kajian ini bersesuaian dengan tujuan kajian kerana dalam kajian ini penyelidik ingin menilai kekuatan faktor pemboleh ubah kajian berupaya mempengaruhi kualiti hidup warga tua.

Saiz sampel bagi kajian ini ialah 156 orang (warga emas) yang berusia 60 tahun dan ke atas. Jumlah responden yang dipilih pengkaji adalah berasaskan kepada formula pengiraan saiz sampel oleh *Rules of Thumb*. Merujuk sumber lain penyelidik juga menggunakan kaedah *Creative Research Systems* (Perisian Servei) dalam mendapatkan jumlah responden. Penyelidik merujuk kepada Jadual menentukan saiz sampel dari populasi.

Jadual 1. Saiz sampel (Rules of thumb)

Saiz populasi	Peratus sampel
0 – 1000	100 (Peratus)
101 – 1000	10 (Peratus)
1001 – 5000	5 (Peratus)
5001 – 10,000	3 (Peratus)
10,001 ke atas	1 (Peratus)

Sumber: Van Belle & Milland, 1998

Jadual 1 menunjukkan jumlah populasi penduduk dalam menentukan saiz sampel. Jumlah saiz sampel yang sesuai untuk membantu dalam pengutipan data adalah sebanyak 156 dengan populasi sebanyak 5215 orang (warga emas). Menurut Garba et al. (2016) Guildford *Rule of Thumb* sesuai juga digunakan dalam kajian bagi menilai kekuatan korelasi sama ada tinggi atau rendah. Sebagai contoh setiap saiz korelasi (nilai-r) akan ditentukan berdasarkan tafsiran dari rendah ke tinggi. Namun penyelidik juga menggunakan *Creative Research Systems* seperti Rajah 1 dalam menentukan saiz sampel kerana sistem ini merupakan sistem yang terbaik dalam membuat tinjauan, analisis dan pentadbiran yang menjadikan perisian yang terbaik antara yang lain (Anon, 2015).

Saiz sampel yang diperlukan adalah sebanyak 156 orang namun saiz sampel sebenar yang diperolehi dalam kajian ini adalah sebanyak 150 orang. Hal ini demikian kerana terdapat enam borang soal selidik yang dijawab oleh responden adalah tidak lengkap dan perlu diketepikan.

Saiz sampel

$$n = N \times \frac{Ps}{100}$$

n = saiz sampel yang diperlukan

N = Jumlah Populasi

Ps = Peratus sampel

$$n = (156.45) \qquad n = 5215 \times \frac{3}{100}$$

$$N = (5215) \qquad n = 15645/100$$

$$Ps = 3 \text{ (peratus)} \qquad n = 156.45$$

Sumber: Survey Software, 1982

Rajah 1. Penentuan saiz sampel menggunakan Perisian Servie

Jadual 2 menunjukkan nilai Cronbach Alpha yang diperolehi dalam kajian rintis yang dijalankan. Kajian rintis telah di lakukan melibatkan kawasan yang hampir sama dengan persekitaran di Kuala Lumpur iaitu melibatkan warga emas yang berumur 60 tahun ke atas. Gelang patah, Johor merupakan kawasan yang telah diambil bagi menjalankan kajian rintis. Berdasarkan hasil yang diperolehi menunjukkan bahawa nilai Cronbach Alpha yang diperolehi ialah 0.943. Menurut Chua (2020) nilai Cronbach Alpha melebihi 0.7 boleh diterima dan sekiranya nilai Cronbach Alpha kurang 0.7, maka item kajian dalam soal selidik perlu dibaiki atau dikeluarkan. Hasil ini memenuhi kelayakan kajian soal selidik untuk dijalankan.

Jadual 2. Ringkasan pemrosesan

		N	%
cases	Valid	30	100.0
	Excluded ^a	0	.0
	Total	30	100

a. Pemandaman mengikut senarai berdasarkan semua pembolehubah dalam prosedur


Jadual 3. Nilai Cronbach Alpha

Cronbach Alpha	Cronbach Alpha berdasarkan item standard	Jumlah item
.943	.942	210

Latar belakang kawasan kajian

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mempunyai lapan mukim (Rajah 2). Antara mukim yang terdapat dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ialah mukim Ampang, mukim Bandar Kuala

Lumpur, mukim Batu, mukim Cheras, mukim Kuala Lumpur, mukim Petaling, mukim Setapak dan akhir sekali mukim Ulu Kelang.



Sumber: Rancangan Struktur Kuala Lumpur, 2040

Rajah 2. Peta sejarah pembangunan fizikal dan spatial Kuala Lumpur

Populasi sampel kajian adalah warga emas yang tinggal di Kuala Lumpur dari tahun 2020 dan melibatkan semua etnik di Malaysia. Jadual 4 menunjukkan populasi sampel kajian warga emas yang tinggal di Kuala Lumpur. Penyelidik memilih pada tahun 2020 kerana pada tahun tersebut adalah tahun mencabar bagi negara Malaysia dengan wujudnya pandemik COVID-19. Pada tahun 2020 merupakan kayu ukur kepada negara dan jangkaan jumlah warga emas di Malaysia turut berubah. Walau bagaimanapun, jangkaan bagi warga emas bagi negara Malaysia akan menjadi negara menua di mana rakyat yang berusia 60 tahun ke atas meningkat hampir dua kali ganda daripada jumlah penduduk pada tahun 2030 (Idris Musa, 2017).

Jadual 4. Populasi warga emas di Kuala Lumpur

Daerah pentadbiran/ Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan	Kumpulan umur warga emas			
	60-64	65-69	70-74	75+
W.P Kuala Lumpur	2017	1355	862	981
D.B Kuala Lumpur				
Batu Caves	32	4	21	7
Jinjang	661	467	467	532
Kampung Sungai Penchala	77	31	7	23
Kampung Batu	16	16	14	21
Kampung Kpong	67	36	15	19
Salak Selatan	673	468	216	237
Sungai Besi	491	333	122	142

Sumber: Kementerian Perangkaan Malaysia

Kriteria penerimaan sampel:-

- i. Warga emas yang berumur 60 tahun ke atas
- ii. Mampu memahami dan melengkap borang soal selidik dengan baik
- iii. Memahami dan faham Bahasa Melayu
- iv. Sihat berupaya serta bersetuju untuk menyertai kajian

Hasil kajian

Jadual 5 menunjukkan profil latar belakang warga tua di Kuala Lumpur. Profil latar belakang warga tua ini melibatkan jantina warga tua, umur, status responden, etnik, agama responden dan tahap pendidikan responden.

Jadual 5. Profil latar belakang responden

Indeks	Bilangan	Peratus (%)
4.2.1 Jantina		
Lelaki	88	59
Perempuan	62	41
4.2.2 Umur Responden		
60 tahun hingga 65 tahun	40	26
66 tahun hingga 70 tahun	67	45
71 tahun hingga 75 tahun	22	15
76 tahun ke atas	21	14
4.2.3 Status Responden		
Berkahwin	100	67
Balu/Duda	32	21
Bercerai	18	12
4.2.4 Etnik		
Melayu	89	59
Cina	28	19
India	19	13
Lain-lain	14	9
4.2.5 Agama Responden		
Islam	92	62
Buddha	23	15
Hindu	21	14
Kristian	14	9
4.2.6 Tahap Pendidikan Responden		
Penilaian Darjah Lima/UPSR	22	15
LCE/SRP/PMR	24	16
MCE/SPM/SPVM/O Level	49	33
STPM/STP/HSC/A Level/Diploma	12	8
Sarjana Muda	23	15
Sarjana/PHD	8	5
Lain-lain	12	8
4.2.7 Pekerjaan Responden		
Bekerja (Awam)	18	12
Bekerja (Swasta)	53	35
Besara	79	53

Sumber: Kajian lapangan, 2020

Latar belakang responden

Jumlah responden yang diambil untuk melakukan kajian ini adalah seramai 150 orang. Responden terdiri daripada warga tua yang tinggal di kawasan Kuala Lumpur. Data responden diambil bermula pada tahun 2019 dan 2020. Responden dipilih adalah secara rawak dan responden dipilih berdasarkan kepada warga tua yang menggunakan kemudahan awam di kawasan Kuala Lumpur.

Hubungan pemboleh ubah faktor pengangkutan awam mempengaruhi kualiti hidup warga tua

Hubungan pemboleh ubah akan mempengaruhi kekuatan setiap hubungan yang digunakan dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan analisis regresi bagi melihat kekuatan hubungan pemboleh ubah. Penggunaan analisis regresi mempunyai tujuan yang sama dengan analisis korelasi iaitu untuk menilai hubungan antara pemboleh ubah, namun analisis regresi adalah lebih mendalam. Hal ini demikian kerana ianya mampu untuk meramal perubahan yang mungkin akan berlaku terhadap pemboleh ubah bersandar sekiranya berlaku perubahan terhadap pemboleh ubah bebas yang digunakan.

Pemalar yang digunakan bagi penggunaan pengangkutan awam adalah mempengaruhi faktor hubungan keluarga warga tua. Antara andaian yang perlu dipatuhi dalam kajian adalah tiada multikolineariti. Analisis regresi berganda melibatkan lebih daripada satu pemboleh ubah bebas dan adalah amat penting. Hal ini demikian kerana bagi memastikan korelasi antara pemboleh ubah adalah rendah atau multikolineariti dalam data tiada. Bagi menentukan multikolineariti antara pemboleh ubah adalah berdasarkan nilai korelasi Pearson dan statistik kolineariti.

Jadual 6 menunjukkan bahawa nilai korelasi Pearson melibatkan semua pemboleh ubah kajian dan nilai-nilai tersebut adalah tidak melebihi 0.80 telah membuktikan bahawa korelasi pemboleh ubah bebas adalah tidak tinggi. Berdasarkan pengamalan membuktikan bahawa terdapat hubungan korelasi antara pemboleh ubah yang digunakan. Menurut Hidayanti et al. (2021) nilai korelasi Pearson pada tahap 0.80 menunjukkan korelasi kuat. Hal ini bermaksud hubungan antara dua variabel yang digunakan adalah kuat di mana hubungan kekeluargaan dengan kemudahan pengangkutan menunjukkan saling mempengaruhi antara sama lain.

Jadual 6. Korelasi Pearson bagi faktor kemudahan pengangkutan

	Kemudahan riadah	Kemudahan premis makanan	Kemudahan tempat ibadah
Penggunaan pengangkutan awam	0.517	0.368	0.245
Penggunaan kemudahan kesihatan	0.345	0.293	0.256
Penggunaan kemudahan riadah	1.000	0.440	0.270
Penggunaan premis makanan	0.440	1.000	0.216
Penggunaan tempat ibadah	0.270	0.216	1.000

Jadual 7 menunjukkan analisis statistik kolineariti iaitu menjelaskan *Variance Inflation Factors* (VIF) dan *tolerance*. Ujian VIF ini adalah untuk menyokong kesahan keputusan regresi.

Menurut Hair et al. (1995) nilai maksimum bagi VIF adalah 10 manakala menurut Ringle et al. (2015) menetapkan nilai VIF pula adalah 5 sebagai nilai maksimum. Hasil yang diperolehi menunjukkan nilai VIF bawah pada 5. Wahab, Saifullah dan Purnomo (2017) menyatakan multikolineariti terhadap data akan wujud apabila nilai tolerance bawah 1.0. Bagi nilai tolerance bagi faktor kemudahan awam adalah 0.577 bagi penggunaan pengangkutan awam. Nilai VIF dan nilai tolerance membuktikan bahawa analisis regresi, data tiada multikolineariti yang dipatuhi.

Berdasarkan Jadual 7 nilai VIF dan tolerance yang diperolehi adalah tidak terdapat masalah multikoneariti. Hal ini menunjukkan bahawa nilai VIF dan tolerance menyokong kesahan analisis regresi yang dilakukan. Pemboleh ubah yang digunakan dalam faktor kemudahan pengangkutan boleh dipercayai dan boleh menguatkan dalam melihat hubungan pemboleh ubah.

Jadual 7. Statistik Kolineariti bagi faktor kemudahan pengangkutan

	<i>Tolerance</i>	<i>Variance Inflation factors (VIF)</i>
Penggunaan pengangkutan awam	0.577	1.735
Penggunaan kemudahan kesihatan	0.687	1.456
Penggunaan kemudahan riadah	0.647	1.545
Penggunaan premis makanan	0.757	1.303
Penggunaan tempat ibadah	0.889	1.125

Seterusnya, andaian yang perlu dipatuhi adalah residual data hendaklah tidak berkorelasi. Andaian ini dapat dijelaskan melalui nilai statistik Dublin Watson. Menurut Field (2009) mengatakan apabila nilai Durbin Watson kurang daripada 1 dan lebih daripada 3 ianya tidak sah. Berdasarkan data yang diperolehi menunjukkan nilai Dublin Watson adalah 1.605. Hal ini menunjukkan bahawa melebihi 1 dan kurang daripada 3, residual data tidak berkorelasi dan andaian dipatuhi.

Jadual 8. Nilai Dublin Watson bagi faktor kemudahan pengangkutan

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate	Dublin-Watson
1	.401 ^a	.161	.116	.45473	1.605


*Pemboleh ubah Bebas: Kemudahan tempat ibadah, kemudahan premis makanan, kemudahan kesihatan, kemudahan riadah penggunaan pengangkutan awam

*Pemboleh ubah Bersandar: Faktor hubungan keluarga

Berdasarkan Jadual 8, didapati wujud hubungan antara faktor hubungan keluarga dengan kemudahan awam. Hal ini dipaparkan oleh kemudahan ketersampaian oleh latar belakang tempat tinggal dan bilangan saiz keluarga stuaa. Bagi warga tua yang tinggal bersama keluarga cenderung untuk menaiki kenderaan persendirian berbanding kemudahan awam. Menurut Maggied (1982) mengatakan kebanyakan warga tua bagi melakukan aktiviti atau ingin ke mana-mana destinasi lebih bergantung kepada anak-anak atau perkhidmatan orang lain (Padrón, 2023). Hal ini demikian kerana kebergantungan pemanduan yang semakin berkurang atas sebab keperluan fizikal yang semakin lemah menjadikan warga tua ini lebih bergantung kepada anak-anak mereka. Namun, hasil kajian di kawasan di Kuala Lumpur menunjukkan anak-anak atau keluarga memilih membawa ibubapa atau warga tua menggunakan kemudahan awam seperti *e-hailing* untuk tujuan perubatan, kemudahan stuaa kerana lebih mudah, cepat dan menjimatkan. Menurut Harifah et al. (2021) *e-hailing* adalah berkonsepkan perkhidmatan *door to door* atau perkhidmatan pintu ke pintu


yang memberikan perkhidmatan kepada warga tua yang mempunyai batasan dalam pergerakan ke satu destinasi ke destinasi yang lain.

Analisis seterusnya adalah residual data bertaburan secara normal. Berdasarkan *bell shape* yang diperolehi adalah bertaburan secara normal, manakala Rajah 4, P-P menunjukkan bahawa titik-titik menghampiri garisan walaupun bukan sepenuhnya menghampiri garis. Hal ini menjelaskan bahawa ia adalah bertaburan secara normal. Menunjukkan bahawa hubungan keluarga dengan faktor kemudahan awam mempunyai kekuatan antara satu sama lain.




Rajah 3. Histogram regresi linear faktor kemudahan awam terhadap faktor hubungan keluarga

Andaian yang terakhir adalah varians residual adalah tetap (*homoscedasticity*). Berdasarkan Rajah 5 menunjukkan bahawa andaian homoscedasticity dipenuhi dan menunjukkan ralat diagihkan ke atas keseluruhan julat nilai dan ramalan tidak ada yang jelas. Hal ini kerana andaian sekiranya tidak terdapat hubungan yang jelas, maka andaian harus dipenuhi. Kesimpulannya andaian bagi terakhirnya ianya dipenuhi.



Rajah 4. P-P plot regresi linear faktor kemudahan awam terhadap faktor hubungan keluarga



Rajah 5. Scatterplot regresi linear faktor kemudahan awam terhadap faktor hubungan keluarga

Kesimpulannya, berdasarkan andaian regresi linear dalam kajian ini telah dipenuhi sepenuhnya. Termasuk hubungan antara pemboleh ubah bebas dan bersandar berbentuk linear, residual bertaburan secara normal, residual tidak berkorelasi dan varians residual yang diperolehi tetap. Maka regresi linear dijalankan bagi kemudahan awam dipenuhi sepenuhnya.

Regresi berganda faktor kemudahan awam terhadap hubungan keluarga

Penentuan sama ada model regresi signifikan secara statistik atau tidak ianya bergantung kepada analisis varians dalam ANOVA. Model regresi berganda adalah signifikan secara statistik apabila nilai P kurang daripada 0.05 ($p < 0.05$), manakala jika nilai P melebihi 0.05 ($p > 0.05$) maka model adalah tidak signifikan secara statistik. Hasil kajian menunjukkan bahawa nilai p bagi model regresi kajian ialah $p = 0.005$, maka boleh dikatakan bahawa model kajian signifikan secara statistik dengan hubungan keluarga sebagai pemboleh ubah bersandar dan penggunaan kemudahan awam, penggunaan kemudahan kesihatan, kemudahan riadah atau rekreasi, kemudahan premis makanan dan kemudahan tempat ibadah sebagai pemboleh ubah bebas.

Seterusnya, nilai R square menjelaskan hubungan pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar. Jadual 5 menunjukkan bahawa nilai R square adalah 0.161 manakala nilai adjusted R square ialah 0.116. Hal ini menjelaskan regresi berganda ialah 16.1%. Hal ini bermaksud bahawa hubungan keluarga mampu dijelaskan oleh penggunaan kemudahan awam, penggunaan kemudahan kesihatan, kemudahan riadah atau rekreasi, kemudahan premis makanan dan kemudahan tempat ibadah sebanyak 16.1%. Secara kesimpulannya, berdasarkan hipotesis kajian, kajian gagal ditolak kerana model regresi berganda berjaya menjelaskan secara signifikan antara hubungan keluarga dengan faktor kemudahan awam, $F(5.1943) = 3.596$, $p = 0.005$, $R^2 = 0.161$, $R^2 = 0.116$.

Jadual 9. Model Summary dan Anova regresi berganda bagi faktor kemudahan awam terhadap faktor hubungan keluarga

Anova					
Model		Sum of Squares	Mean Square	F	Sig.
1	Regression	3.718	0.744	3.596	0.005
	Residual	19.437	0.207		
	Total	23.155			

Model Summary					
Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate	Dubin-Watson
1	0.401	0.161	0.116	0.45473	1.605

Hasil model regresi yang diperolehi, bagi nilai constant adalah 2.388, bagi nilai koefisien penggunaan pengangkutan adalah -.015, manakala kemudahan kesihatan dan kemudahan riadah pula nilai koefisien masing-masing ialah 0.301 dan -.014. Seterusnya bagi kemudahan premis makanan dan kemudahan tempat ibadah pula ialah 0.018 dan 0.126. Oleh itu bagi persamaan regresi antara pemalar faktor kemudahan pengangkutan dengan faktor hubungan keluarga dapat dirumuskan sebagai $Y=2,388-0,015+0,301-0,014+0,018+0,126$.

Jadual 10 menunjukkan hasil analisis regresi berganda hubungan yang wujud bagi faktor kemudahan awam dengan faktor hubungan keluarga adalah positif yang bermaksud setiap pemboleh ubah bebas akan meningkatkan faktor hubungan keluarga warga tua jika sebaliknya iaitu berlaku penurunan terhadap pemboleh ubah bebas maka faktor hubungan keluarga warga tua akan menurun. Nilai signifikan bagi faktor kemudahan awam antara hubungan keluarga adalah melebihi 0.05 ($p>0.05$) kecuali kemudahan kesihatan $p<0.05$ iaitu 0.004. Hal ini menunjukkan bahawa hipotesis ditolak kerana bagi item kemudahan kesihatan menyumbang atau memberi pengaruh kepada faktor hubungan keluarga warga tua.

Jadual 10. Dapatan regresi berganda faktor kemudahan awam terhadap faktor hubungan keluarga

Model	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
	B	Std. Error	Beta		
1 (Constant)	2.388	.399		5.985	.000
Penggunaan Pengangkutan Awam	-.015	.091	-.021	-.170	.866
Kemudahan kesihatan	.301	.103	.333	2.919	.004
Kemudahan Riadah	-.014	.092	-.018	-.156	.876
Kemudahan Premis Makanan	.018	.081	.024	.219	.827
Kemudahan Tempat Ibadah	.126	.075	.169	1.690	.094

*Pemboleh ubah bersandar: Faktor hubungan keluarga

Faktor kemudahan awam ini menyumbang kepada kualiti hidup warga tua lebih baik. Hal ini demikian kerana item bagi keperluan kemudahan kesihatan adalah mempengaruhi hubungan kekeluargaan warga tua. Keterbatasan pergerakan atau fizikal menyukarkan warga tua untuk bergerak. Pertolongan ahli keluarga adalah salah satu inisiatif yang diharapkan oleh ibu bapa untuk memohon pertolongan daripada ahli keluarga mereka. Kajian yang dilakukan oleh Escamilla et al. (2019) menunjukkan bahawa sokongan daripada ahli keluarga dapat mengurangkan bebanan warga tua. Sebagai contoh menjalankan kesihatan berkala. Di tambah dengan faktor penuaan

perubahan fizikal, ekonomi, psikologi warga tua semakin merosot dan bantuan sokongan dari ahli keluarga sangat diperlukan (Antok et al., 2020). Malahan akses kemudahan yang disediakan dianggap sebagai penentu kepada mencapai kualiti hidup yang lebih baik pada usia yang lebih tua (Gorman et al., 2019).

Kebergantungan warga tua dalam kehidupan keluarga menjadikan satu kekuatan kepada mereka. Serangan penyakit, penglihatan atau lain-lain hal memberikan impak keselamatan dalam kalangan warga tua. Pertemuan baharu di mana konsep *e-hailing* di kawasan Kuala Lumpur merupakan salah satu inisiatif yang digunakan bagi membantu warga tua untuk mendapatkan kemudahan atau memudahkan pergerakan warga tua dari destinasi ke destinasi lain. Menurut Burkhardt dan Kerschner (2005) mengatakan perkhidmatan pintu ke pintu (*e-hailing*) memberikan satu kebahagiaan kepada warga tua di mana warga tua hanya terus tinggal di kediaman dan perkhidmatan yang disediakan adalah lebih mudah. Selaras dengan teori aktiviti yang digunakan di mana warga tua yang bergiat aktif merupakan orang yang baik untuk mencapai kejayaan dalam kehidupan dengan perubahan aplikasi perisian yang canggih pada zaman ini. Kesimpulannya dalam kehidupan warga tua ini memerlukan pertolongan dan sokongan keluarga untuk mencapai kualiti hidup yang lebih baik dalam segala hal.

Langkah penambahbaikan dalam usaha memperkasa kesejahteraan sosial warga tua

Pada bahagian ini dibincangkan langkah penambahbaikan bagi memperkasa kesejahteraan sosial warga tua. Bahagian ini akan menjelaskan penambahbaikan setiap faktor yang dibincangkan iaitu melibatkan hubungan keluarga dan kemudahan awam. Penambahbaikan ini merupakan satu cadangan yang perlu dilihat atas kepentingan warga tua yang tinggal di kawasan bandar bagi mencapai kualiti hidup yang lebih baik di masa hadapan. Langkah-langkah ini diperolehi daripada hasil temu bual bersama responden.

Seterusnya, bagi memperkasa kesejahteraan warga tua dalam kemudahan pengangkutan awam ialah meningkatkan akses bagi memenuhi keperluan mobiliti warga tua. Penggunaan kemudahan *e-hailing* memberi kesan yang baik kepada warga tua di mana stuaa kajian dijalankan ekoran daripada wujudnya Pandemik COVID-19 sehingga negara Malaysia mencapai endemik penggunaan kemudahan *e-hailing* membantu warga tua yang tinggal di kawasan bandar untuk bergerak dari destinasi ke destinasi yang lain. Tambahan pula, pengangkutan yang mudah diakses, berpatutan dan mudah adalah penting untuk membolehkan warga tua mengakses kemudahan dan pengangkutan dengan baik. Oleh itu, bagi kawasan bandar-bandar utama penggunaan perkhidmatan *e-hailing* dapat membantu warga tua dan tidak perlu meminta pertolongan dari orang lain.

Kemudahan awam bagi model regresi berganda adalah signifikan secara statistik. Hal ini demikian kerana nilai P kurang daripada 0.05 ($p < 0.05$) menunjukkan signifikan dan hasil yang diperolehi $p = 0.005$ bermaksud model kajian signifikan dengan hubungan keluarga sebagai pemboleh ubah bersandar dan penggunaan kemudahan awam, kemudahan kesihatan, kemudahan riadah atau rekreasi, kemudahan premis makanan, kemudahan tempat tinggal adalah pemboleh ubah bebas. Antara pemboleh ubah bebas yang digunakan dalam kemudahan awam menunjukkan bahawa kemudahan awam adalah penyumbang kepada pengaruh faktor hubungan keluarga warga emas. faktor kemudahan awam adalah penyumbang kepada kualiti hidup warga emas bagi menjamin kesejahteraan warga emas.

Langkah penambahbaikan yang boleh dilakukan bagi memperkasa kesejahteraan warga tua adalah kebolehsampaian pengangkutan atau kemudahan. Momentum yang semakin meningkat ke arah perspektif kesejahteraan memerlukan kontrak sosial baharu yang mengimbangi pertimbangan sosial ekonomi dan alam sekitar sebagai perantara pembuatan keputusan politik dan masyarakat. Dasar dan tindakan sedemikian adalah berdasarkan pendekatan keseluruhan kerajaan dan seluruh masyarakat yang bertujuan untuk mencapai tindak balas yang lebih selaras dan koheren (World Health Organization, 2023). Hal ini demikian kerana kualiti kebolehsampaian akan memberi pengaruh sama ada secara tidak langsung dan langsung kepada warga tua. Warga tua di Itali cenderung untuk menggunakan kemudahan pengangkutan awam dan juga menggunakan kemudahan sendiri sekurang-kurangnya dua kali dalam tempoh seminggu. Ini kerana kemudahan awam yang disediakan atau akses bandar yang mudah mendorong untuk warga tua mudah bergerak. Kebolehsampaian dapat memudahkan mobiliti warga tua untuk bergerak bagi memenuhi kesejahteraan warga tua dan memudahkan perjalanan mereka. Oleh itu, bagi kawasan bandar terutamanya di kawasan bandar akses yang baik, cepat dan selamat akan memberi kesan baik kepada warga tua.

Kesimpulan

Hasil kajian menunjukkan bahawa, kemudahan awam mesra warga tua mampu meningkatkan kemandirian dan juga kemudahsampaian warga tua ke destinasi pilihan terutama mendapatkan rawatan, aktiviti harian dan juga peningkatan tingkat kebahagiaan individu. Ia selaras dengan teori aktiviti yang digunakan yang menunjukkan kemampuan warga tua untuk kekal aktif sangat dipengaruhi oleh kemudahan yang mereka mampu capai seperti penggunaan aplikasi dalam talian bagi mendapatkan *e-hailing* atau pengaktifan jadual pengangkutan awam dalam talian agar mereka dapat mengoptimumkan penggunaan masa. Walau bagaimanapun, kehidupan warga tua memerlukan pertolongan dan sokongan keluarga untuk mencapai kualiti hidup yang lebih baik dalam segala hal. Secara kesimpulannya menunjukkan bahawa warga tua memerlukan sistem sokongan keluarga, komuniti tempatan dan perancangan oleh pihak kerajaan. Hubungan kekeluargaan juga merupakan keperluan berterusan bagi menjamin kesejahteraan warga tua. Implikasi kajian terhadap perkembangan ilmu ialah menyelusuri geografi kependudukan kontemporari yang bukan hanya merujuk kepada unjuran penduduk dan Malaysia sebagai negara menua menjelang tahun 2023. Bahkan seiring dengan perancangan pembangunan negara ke arah sebuah perancangan pembangunan yang inklusif dan Malaysia sebagai sebuah negara sejahtera.

Penghargaan

Penghargaan kepada Geran FRGS/1/2019/SS07/UM/02/2 bagi penyelidikan Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) bertajuk Pembangunan Model Penyediaan Fasiliti Awam Mesra Warga Tua Bandar.

Rujukan

- Abdul Rani, Z. (2007). *Social Welfare Policies and Services for the Elderly: A Country Report. (Malaysia)*. The 5th ASEAN and Japan High Level Officials Meeting on caring Societies: Collaboration of Social Welfare and Health Services, and Development of Human resources and Community (pp. 1-31), 27-30 August, Tokyo, Japan.
- Ahmad, S. A. H., & Norliza, M. (2018). Malaysia menuju negara tua: Apakah yang boleh dipelajari daripada pengalaman negara Jepun?. *Human Sustainability Procedia (INSAN 2018- Proceeding)* (pp.406-419), Johor Bahru, Johor, Malaysia.
- Ajang, S. (2012). Populasi warga emas meningkat. *Borneo Post Online*.
- Bernama. (2020). JKM cadang definisi umur warga emas kepada 65 tahun. *My Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/12/654278/jkm-cadang-definisi-umur-warga-emas-kepada-65-tahun>
- Guo, M., Liu, B., Tian, Y., & Xu, D. (2020). Equity to urban parks for elderly residents: Perspectives of balance between supply and demand. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 17(2), 1-18.
- Hashim, N. H., & Jones, M. L. (2007). *Activiti Theory: A Framework for Qualitative analysis*. Universiti of Wollongong Research Online.
- Hidayanti, A. A., Prathama, B. D., & Wardah, S. (2021). Analisis Korelasi Pearson dalam menentukan hubungan kualitas produk, pelayanan, lokasi dan kepuasan terhadap loyalitas pada pelanggan Rumah Nutrisi Herbalife Mataram. *Journal of Innovation research and Knowledge*, 1(2), 185-198.
- Kouidmi Delaa, F., & Altawansy, A. K. (2024). Exploring the sustainable contrast between age friendly public areas in Mediterranean cities. *Ería*, 43(3), 293–310.
- Leung, M., Yu, J., & Chong, M. (2017). “Impact of facilities management on the quality of life for the elderly in care and attention homes: Cross-validation by quantitative and qualitative studies.” *Indoor and Built Environment*, 26(8), 1070-1090.
- Maggied, H. S. (1982). Conclusions and Recommendations on Mobility Disadvantages in Rural Reaches. In *Transportation for the Poor* (pp. 136-141). Springer.
- Mahal, A., & McPake, B. (2017). Health systems for aging societies in Asia and the Pacific. *Journal Health Systems & Reform*, 3(3), 149-153.
- Malaysia. (2017). Portal Rasmi Jabatan kebajikan Masyarakat.
- Malaysia. (2012). Panduan pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau: penyediaan laluan perjalanan Kaki.
- Malaysia. (2020). Portal Rasmi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- Malaysia. (2021). Anggaran penduduk semasa. <https://newss.statistics.gov.my/newssportalx>
- Malaysia. (2021). Jadual hayat ringkas 2019-2021.
- Malaysia. (2021). Perangkaan sebab kematian di Malaysia 2021. <https://newss.statistics.gov.my>
- Mohd Tohit, N.F., & Haque, M. (2024). Preparing the younger generation for an aging society: Strategies, challenges, and opportunities. *Cureus*, 16(7), e64121.
- Muhammad Firdaus, A. R., Abd Hamid abd Murad, Hussein ‘Azeemi Abdullah Thaidi & Azman Ab Rahman. (2020). Peranan Institusi Wakaf dalam melestrarkan Pengurusan warga Emas di Malaysia. *Perdana International journal of academic research*, 8(1), 21-30.
- Nik Norliati, F. M. N. (2018). Trend penuaan penduduk: Satu sorotan karya. *Jurnal of Social Sciences and Humanities*, 13(2), 116-130.

- Olusiyi, I. (2010). Travel characteristic and mobility constraints of the elderly in Ibadan, Nigeria. *Journal of Transport Geography*, 18(2), 285-291.
- Padrón, D. (2023). Parents: Burdensomeness and Parental Age. In: Shackelford, T.K. (eds.) *Encyclopedia of Domestic Violence* (pp. 1-6). Springer.
- Rosniza Aznie Che Rose, Kadaruddin Aiyub & Mohd. Fuad Mat Jali. (2020). *Wacana Geografi Untuk Masa Hadapan*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sanmargaraja. S. (2012). *Penyediaan fasiliti di Rumah Warga Tua: Kajian Kes di Bandaraya Ipoh dan Johor Bahru* [Master's dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia].
- Santo. K., & Sarwono, S. (2003). "Managing the Elderly in a Crisis Situation" – from Part IV – Emerging Issues. In Ananta, A (eds.). *The Indonesian Crisis: A Human Development Perspectives* (pp.382-416). Cambridge University Press.
- Shevelkova, V., Mattocks, C., & Lafortune, L. (2023). Efforts to address the Sustainable Development Goals in older populations: A scoping review. *BMC Public Health*, 23, 456.
- Sita Dewi, Bertha Elvy Napitupulu & Dwi Listyowati. (2019). Menyongsong era penduduk tua di Indonesia. *Journal of Information System, Applied, Management, Accounting and Research*, 3(1), 10-15.
- United Nation. (2015). Department of Economic and Social Affairs, Population Division.
- United Nations. (1973). Department of Economic and Social Affairs, Ageing.
- Wendy, L. W. X., & Noralfishah Sulaiman. (2013). A conceptual framework for understanding the Social Care facilities Management Audit (SCFMA) at The Residential Care Home for the Elderly (RCHfE) in Malaysia. 2nd Internasional Conference on Management, Economics and Finance (2nd ICMEF 2013) Proceeding.
- World Health Organization. (2024). Achieving well-being: A global framework for integrating well-being into public health utilizing a health promotion approach. Seventy-sixth World Health Assembly, 21-30 May.